

27 MAY 1996

PRESIDEN KAZAKHSTAN DIBERI SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev, yang tiba di sini semalam untuk lawatan negara empat hari, diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen, hari ini.

Presiden Nazarbayev tiba bersama-sama isterinya Sara A. Nazarbayeva pada pukul 8.30 pagi dan disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Kemudian, Seri Paduka berdua dan tetamu negara itu ke pentas diraja untuk menghormati lagu kebangsaan kedua-dua negara sebelum Presiden Nazarbayev memeriksa barisan kehormat 111 pegawai dan anggota Batalion Pertama Rejimen Melayu Diraja diketuai Mejar Nor Azmi Abdul Karim.

Presiden Nazarbayev kemudian diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan diplomat-diplomat asing.

Aturcara lawatan beliau hari ini termasuk kunjungan hormat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Carcosa Seri Negara, mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri diikuti oleh mesyuarat rombongannya dengan pegawai-pegawai kanan Malaysia.

Presiden Nazarbayev dan isteri akan menghadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Bangunan Parlimen sebelum menghadiri jamuan negara. -- BERNAMA

JM NAK